



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 JULY 2017

Tidak berganjak bela Felda - Najib

um -
24/7/2017
Pg. 2

PUTRAJAYA 23 Julai - Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan kerajaan tidak akan sesekali berganjak daripada terus membela dan memperjuangkan nasib warga Felda.

Perdana Menteri berkata, kewujudan Felda adalah berkait rapat dengan kepemimpinan negara yang telah membangunkan dan mengubah untung nasib warga agensi berkenaan sehingga menjadi masyarakat yang berjaya sejak 61 tahun lalu.

Sehubungan itu, warga Felda yang memahami signifikan kewujudan Felda itu diyakini akan mempertahankan kerajaan hari ini yang berpusat di Putrajaya.

“Sebab itu kita menganjurkan Sambutan Hari Peneroka di Putrajaya kerana setiap warga Felda mempunyai hak dan saham dalam kewujudan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan ini.

“Tanpa warga Felda tidak mungkin Putrajaya wujud. Dan atas sebab itu, setiap daripada mereka perlu mengingati kewajiban masing-masing terhadap jasa kerajaan selama 61 tahun lalu dengan berazam dan bertekad agar Putrajaya tetap kita pertahankan dalam apa juga

keadaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Sambutan Hari Peneroka Felda 2017 Peringkat Kebangsaan, di sini hari ini.

Yang turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim dan Pengerusi Felda, Tan Sri Shahrir Abdul Samad.

Najib turut menyeru semua pihak agar tidak memasang angan-angan atau meniup cerita tidak benar kononnya warga Felda tidak menyokong kerajaan hari ini.

Kata beliau, kehadiran 25,000 warga peneroka pada majlis hari ini telah membuktikan bahawa realiti sebenar adalah sebaliknya.

“Hari ini 25,000 telah hadir dan ia adalah sebahagian sahaja daripada ramai penyokong tegar kita yang masih ada di setiap tanah rancangan.

“Tambahan pula, kita ada sebanyak 50,000 generasi kedua Felda berada di Lembah Klang dan termasuk mereka yang sudah berjaya ekoran peranan Felda dan perjuangan serta dasar kerajaan,” katanya.